

05 JUL 2002

DR MAHATHIR TINJAU PEMBANGUNAN DEWAN WAWASAN JITRA

JITRA, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengadakan lawatan setengah hari ke Kubang Pasu hari ini, melawat projek pembangunan Dewan Wawasan di Jalan Jitra-Changlun.

Beliau turut mendengar taklimat mengenai pembangunan projek itu, yang dijangka siap pada 30 Nov ini selepas dimulakan 1 Jun lepas oleh syarikat pembinaan Lejadi Infra Sdn Bhd.

Dewan serba moden dengan kos pembinaan RM30 juta di kawasan 2.5 hektar itu mempunyai kemudahan ruang yang boleh memuatkan 5,000 tetamu, kemudahan untuk orang cacat, sembilan gelanggang badminton, perpustakaan, makmal komputer dan auditorium dengan 200 tempat duduk.

Selepas melawat tapak dewan itu, Dr Mahathir melakukan upacara perasmian meletak batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu, yang terletak bersebelahan dengan tapak pembinaan dewan itu.

Kompleks itu akan menempatkan pejabat daerah, majlis daerah dan pejabat tanah.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

-- BERNAMA

MZM NAK